



**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)**

**NOTIS AM**

**PEMBERITAHUAN MENGENAI BAYARAN SES BUAH KELAPA  
SAWIT YANG TERTUNGGAK**

Semua Pemegang Lesen Kategori Estet (ET) Yang Dihormati,

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) ingin memaklumkan bahawa pada 9 Julai 2015 Mahkamah Persekutuan Malaysia dalam kes Lembaga Minyak Sawit Malaysia v. Arunamari Plantations Sdn. Bhd. & Ors And Another Appeal [2015] 7 CLJ 149 telah memutuskan bahawa seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582) dan Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) 2007 tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan adalah sah.

Setelah pemeriksaan teliti Akta 582 secara keseluruhannya, ia menjadi jelas bahawa adalah fungsi MPOB untuk bukan sahaja mengawal tetapi juga menggalakkan semua aktiviti dalam industri kelapa sawit. Oleh itu, Menteri mempunyai kuasa untuk menstabilkan harga minyak masak melalui pengenaan ses.

**SILA AMBIL PERHATIAN** bahawa susulan daripada keputusan Mahkamah Persekutuan Malaysia tersebut, MPOB memberi peringatan kepada mana-mana pemegang lesen kategori estet yang masih gagal menjelaskan keseluruhan jumlah ses tertunggak di bawah Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) (Buah Kelapa Sawit) 2007 atas pengeluaran sebenar buah kelapa sawit yang dikeluarkan bagi tempoh 1 Jun 2007 sehingga 31 Julai 2008, untuk mematuhi kehendak undang-undang tersebut dan keperluan untuk menjelaskan ses tertunggak tersebut dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan ini. Kerjasama dan perhatian berat pihak tuan mengenai perkara di atas sangat dihargai bagi mengelakkan tindakan undang-undang diambil atas kegagalan tuan untuk menjelaskan jumlah ses tertunggak tersebut kepada Lembaga.

**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA  
25 FEBRUARI 2016**